

Pencegahan Penyakit Melalui Kaedah Pelalian Menurut Perspektif Islam¹
Disease Prevention Through Immunization Methods According To Islamic Perspective

Irwan Mohd Subri²
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Terdapat banyak salah tanggapan terhadap imunisasi atau vaksin yang telah diterbitkan secara atas talian seperti blog, laman-lamn sesawang dan disebarikan melalui media sosial. Namun kebanyakannya tidak boleh disahkan dan agak provokatif (Musa Mohd Nordin, 2014). Situasi ini mengakibatkan masyarakat awam meragui dan tidak memberi vaksin kepada anak-anak mereka dan diri mereka sendiri. Artikel ini mengkaji hubung kait kaedah pelalian atau imunisasi dengan kaedah pencegahan dalam Islam. Metodologi yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen. Artikel ini turut menganalisa kesemua tujuh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam berkenaan imunisasi di Malaysia. Hasil kajian mendapati kaedah pelalian yang diamalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah selari dengan tuntutan syariat Islam. Kajian ini juga mendapati hanya pelalian atau imunisasi yang bebas daripada unsur haram seperti babi sahaja dibenarkan. Sekiranya tiada alternatif, pelalian yang mengandungi unsur haram dibenarkan atas dasar darurat. Ia juga mendapati bahawa keputusan fatwa berkaitan pelalian di Malaysia bertujuan sebagai langkah pencegahan terhadap penyakit berjangkit yang boleh membawa maut.

Kata kunci: imunisasi, pencegahan, fatwa, penyakit, babi

Abstract

There are many misconceptions about immunization or vaccine which have been published, posted and spread on-line such as through blogs, websites and most notably the social media. However, many of these claims could not be confirmed and quite provocative in nature (Musa Mohd Nordin,

1 Artikel ini telah dibentangkan dalam *Seminar Pendidikan Fatwa Kesihatan Peringkat Negeri Selangor* pada 19 Jun 2014, di Auditorium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor. Tajuk asal artikel ini ialah *Pelalian: Kaedah Pencegahan Penyakit Menurut Perspektif Islam* dan ia telah ditambahbaik dan dikemaskini dengan maklumat terkini.

2 Corresponding author : Irwan Mohd Subri, Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail : irwan@usim.edu.my.

2014). Such misconceptions make the public sceptical and this has led to their refusal to take the vaccine for their children and themselves. This article examines the correlation method of vaccination or immunization with prevention methods in Islam. The methodology used is based on qualitative methods through document analysis. It was done by analysing all seven decisions from Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam on immunization in Malaysia. The study found that only vaccinations or immunizations that are free from unlawful elements, such as porcine, are allowed. If the case of no alternative, immunization which contains illegal element is then allowed on the basis of an emergency (*darurah*). It was also found that the results related to immunization in Malaysian fatwas were intended as a preventive measure against infectious diseases that can cause death.

Keywords : immunization, prevention, fatwa, disease, porcine

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang syumul dan memberi panduan kepada umat sejagat dalam semua aspek kehidupan termasuk yang berkaitan dengan kesihatan. Allah SWT berfirman:

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya, “Dan kami turunkan daripada al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman”

(Al-Isra':82)

Amran Kasimin dan Haron Din (1997) berkata bahawa sakit-demam dan rawatan tidak dapat dipisahkan, kerana setiap penyakit pada dasarnya memerlukan rawatan penyembuhan. Al-Quran itu sendiri merupakan penawar kepada penyakit namun ia bukanlah bererti ia dijadikan atau dibuat sebagai tangkal kerana baginda Rasulullah SAW tidak melakukan sedemikian. Rasulullah SWT melakukan rawatan dengan melihat punca penyakit dan kesesuaiannya dengan ubat. Sabda nabi SAW:

عَنْ جَابِرٍ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya, “Daripada Jabir, daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda, “*Sesungguhnya bagi setiap penyakit itu ada ubat. Maka apabila ubat itu serasi dengan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah Azza Wa Jalla*” (Hadis. Muslim. Bab Li Kulli Da’in Daw’a’un Wa Istihbab al-Tadawiyy. No. 5871).

Kaedah rawatan pada masa kini semakin berkembang seiring dengan penularan penyakit berjangkit yang semakin kerap berlaku dan membimbangkan. Justeru, muncul pelbagai kaedah pencegahan penyakit bagi mengekalkan kesihatan masyarakat. Malaysia pada amnya memperkenalkan kaedah pencegahan penyakit melalui pelalian (imunisasi/vaksinasi) bagi mengekang masyarakat daripada terdedah kepada penyakit-penyakit berbahaya yang mengancam nyawa. Tindakan yang berkait dengan pencegahan memang sangat dituntut oleh Islam malah ia sesuai dengan kaedah usul fiqh iaitu *sadd al-dhari’ah* (menyekat pintu kerosakan).

Namun timbul persoalan adakah kaedah perubatan atau pencegahan yang dilaksanakan sehingga kini betul-betul mengikut kehendak syarak atau sebaliknya? Adakah bahan yang digunakan dalam vaksin bersumberkan benda yang halal? Persoalan-persoalan ini menyebabkan adanya gerakan anti vaksin di kalangan masyarakat. Menurut Dr. Khoo Yoong Khean (2013), gerakan anti-vaksin kini semakin menular dengan kemunculan artikel di portal berita, laman sesawang dan jaringan media sosial. Walaupun terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa vaksin adalah selamat, terdapat beberapa orang yang tetap percaya bahawa vaksin memudaratkan kanak-kanak. Malah ada yang mendakwa vaksin adalah konspirasi Yahudi.

Pelbagai bentuk penemuan perubatan sains moden ditemukan dan dilakukan melalui kajian imunologi. Kajian imunologi lebih giat dijalankan pada masa kini terutama dengan berkembangnya teknik moden biologi molekul. Setiap kajian dan penemuan harus dilakukan oleh ahli imunologi kerana mereka lebih memahami fisiologi sistem imun untuk mengelak dan melawan jangkitan serta mengurangkan kesan jangkitan (Noor Hasima Nagoor: 2003).

Setiap perkara yang hendak dilaksanakan untuk masalah ummah hanya diperakukan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan *maqasid al-shari’ah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibiyy, t.th). Justeru, artikel ini menghuraikan tentang pelalian atau imunisasi yang dilaksanakan serta mengetengahkan persoalan isu pencegahan pelalian menurut Islam.

PELALIAN DAN IMUNISASI

Imunologi muncul sebagai usaha manusia untuk memahami mekanisme kekalisanan perumah terhadap penyakit-penyakit berjangkit (Ghazally Ismail: 1988). Konsep imuniti boleh dikesan sejak 430SM, iaitu semasa berlaku wabak di Athens. Ahli falsafahnya, Thucydides menulis hanya orang yang sembuh daripada wabak boleh merawat orang yang sakit kerana mereka tidak akan sakit atau mengidap penyakit yang sama untuk kali kedua (Noor Hasima Nagoor:2003). Kaedah perawatan penyakit telah muncul sebelum Masihi lagi dan semakin berkembang hingga kini sebagai contoh melalui kaedah pelalian.

Perkataan pelalian diambil daripada perkataan lali yang diertikan sebagai tidak berasa apa-apa (pada kulit dan lain-lain), atau hilang perasaan. Manakala, melalikan bermaksud menyebabkan tidak sedar, menjadikan tidak berasa apa-apa (pada kulit dan lain-lain). Sementara pelalian diertikan sebagai perihal melalikan dan pelali pula dikenali sebagai ubat dan lain-lain yang boleh melalikan (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1998).

Pelalian juga dikenali sebagai pengimunan atau imunisasi. Pelalian, pengimunan atau imunisasi merupakan satu proses di mana sistem imun seseorang dikebalkan untuk melawan agen yang dikenali sebagai imunogen.

Imunisasi adalah satu cara pencegahan yang dapat dilakukan bagi mengelakkan penyakit-penyakit merbahaya yang mengancam nyawa khususnya kanak-kanak seperti campak, tibi, batuk kokol, difteria, tetanus atau polio. Penggunaan vaksin dalam program imunisasi bagi mengelak bahaya penyakit-penyakit yang berkenaan adalah diharuskan oleh syarak selaras dengan kaedah *fiqhiyyah* iaitu:

درء المفسد أولى من جلب المصالح

Maksudnya, “*Menolak kerosakan didahulukan daripada mencari kemaslahatan*” (al-Suyutiyy, 1990).

Sesuatu kerosakan akan cepat berkembang dan bahayanya adalah lebih besar sekiranya tidak dicegah daripada awal. Keharusan ini juga adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah, ayat 195 yang bermaksud: “*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan*” (Noor Hisham Abdullah & Othman Mustapha, 2013).

Pelalian boleh dikategorikan sebagai alat yang akan menghasilkan antibodi terhadap badan manusia melawan penyakit yang mendatang. Dalam buku “*The Development of New Vaccines*”, Gordon L. Ada (1994) berkata antibodi membawa maksud daya pertahanan dan satu-satunya mekanisme yang mana boleh menghalang suntikan digunakan untuk tujuan melawan agen. Vaksin yang efektif boleh membuatkan kebolehdaya tahan antibodi dalam badan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan imunisasi sebagai proses di mana seseorang itu dijadikan imun (kebal) atau tahan penyakit berjangkit, biasanya melalui pengambilan vaksin. Vaksin merangsang sistem imun badan sendiri untuk melindungi seseorang itu daripada jangkitan berikutnya atau sebarang jenis penyakit (WHO, t.th.).

Satu istilah yang sama dengan imunisasi ialah vaksinasi. Abd Rahman (2013) mendefinisikan vaksinasi sebagai satu proses pengaktifan sistem imun buatan manusia sebagai usaha untuk melindungi manusia daripada penyakit berjangkit.

Mengikut kefahaman yang mudah, antibodi merupakan kaedah semulajadi dalam badan untuk melawan penyakit. Walau bagaimanapun, apabila antibodi badan seseorang itu lemah ia boleh diaktifkan semula melalui suntikan vaksin. Suntikan vaksin pelalian atau proses imunisasi boleh mengelakkan penyakit yang mendatang.

Imunisasi atau suntikan vaksin pelalian adalah bertujuan untuk menguatkan antibodi/daya tahan badan terhadap penyakit. Kaedahnya adalah melalui suntikan dengan memasukkan “sesuatu” ke dalam badan agar badan dapat bertahan dari penyakit yang berbahaya. Suntikan satu pelalian/imunisasi hanya bertahan untuk satu jenis penyakit sahaja dan untuk mengimun diri daripada penyakit lain memerlukan suntikan pelalian yang berbeza. Contohnya, untuk penyakit HPV, Hepatitis A, dan Hepatitis B memerlukan suntikan yang berbeza dan bukannya satu dos untuk kesemuanya.

Pada tahun 1798, Edward Jenner (1749-1823) telah melakukan eksperimen masyhurnya iaitu vaksinasi terhadap cacar. Berdasarkan pemerhatiannya, beliau menyuntik bintik bernanah cacar lembu pada tangan seorang budak lelaki dan berjaya apabila budak itu tidak menghidapi penyakit cacar walaupun didedahkan dengan keadaan tersebut. Vaksinasi berasal dari perkataan latin *vaccinus* yang bermaksud daripada lembu dan penemuan ini telah membawa kepada penerimaan pelalian vaksinasi untuk menginduksikan imuniti terhadap penyakit berjangkit (Ghazally Ismail: 1988).

KEPUTUSAN FATWA KEBANGSAAN MALAYSIA YANG BERKAITAN DENGAN PELALIAN

Isu hukum pelalian atau imunisasi telah banyak kali dibincangkan oleh pihak berkuasa agama di Malaysia. Berikut adalah tujuh contoh keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia (menurut susunan tahun). Kesemua keputusan yang dibentangkan penulis dalam artikel ini dan perincian keputusan berikut diambil daripada laman web e-fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Rujukan kepada setiap keputusan diletakkan di akhir perbahasan setiap satu daripadanya.

Penulis akan membentangkan terlebih dahulu semua keputusan fatwa berkaitan vaksin atau pelalian. Kemudian penulis akan menganalisa kaitan keputusan-keputusan ini dengan kaedah pencegahan menurut perspektif syariat Islam pada perbahasan yang berikutnya.

1. Pelalian Rubela (Imunisasi Rubela)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 yang bersidang pada 12 September 1988 telah membincangkan pelalian Rubela (Imunisasi Rubela). Muzakarah telah memutuskan bahawa:

“Vaksin Rubela yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini tidak najis dan hukumnya harus digunakan untuk suntikan dalam badan bagi mencegah penyakit Rubela”.

Keterangan/Hujah:

Rubela ialah sejenis penyakit yang disebabkan oleh virus dan ia mempunyai banyak persamaan dengan penyakit campak. Penyakit Rubela amat merbahaya kepada bayi di dalam kandungan dan ia mudah berjangkit melalui saluran pernafasan atau pergaulan yang rapat. Jika seseorang ibu mengandung dijangkiti Rubela dalam tiga bulan pertama, bayi yang bakal dilahirkan mungkin mati dalam kandungan atau jika dilahirkan berkemungkinan akan mengalami terencat akal, cacat mata, jantung, hati, limpa dan jantung.

Ketika Malaysia diserang penyakit Rubela ini sekitar tahun 1978 dan 1981, sebanyak 43 hingga 63 kes kecacatan kelahiran dilaporkan akibat daripada penyakit ini dan ia meningkat dengan mendadak kepada 221 kes pada tahun 1982. Mulai April 1988 kerajaan telah melaksanakan program suntikan Rubela kepada pelajar perempuan dan wanita yang berusia antara 15 dan 44 tahun.

Vaksin pelalian Rubela yang digunakan diimport dari Itali dan tidak mengandungi sebarang tisu binatang. Walau bagaimanapun vaksin tersebut diperbuat daripada tisu janin wanita yang mengalami keguguran dan telah melalui beberapa proses termasuk pencerakinan virus yang terdapat di dalam tisu janin tersebut. Vaksin yang terhasil daripada beberapa proses di dalam makmal ini digunakan bagi mencegah komplikasi kepada bayi sekiranya ibu yang mengandung dijangkiti Rubela.

Hasil kajian dan penelitian tersebut adalah didapati bahawa bahan-bahan yang digunakan dan proses pembuatan, persediaan vaksin dan bahan penstabil dalam imunisasi Rubela adalah tidak najis. Keseluruhan proses yang digunakan dalam penyediaan vaksin ini tidak melibatkan gelatin. Oleh itu ianya harus digunakan.

Berdasarkan kepada kaedah *fiqh* darurat mengharuskan tegahan penggunaan suntikan rubela adalah atas asas hajat kerana bagi menghindarkan perkara bahaya iaitu penyakit Rubela, maka ianya diharuskan oleh syarak.

Berdasarkan kepada prinsip *al-dharuriyat al-khams*, menolak kemudaratan terhadap agama, jiwa, akal, keturunan dan harta adalah perlu diutamakan (JAKIM, t.th.)

2. Imunisasi Hepatatis B Menurut Islam

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 November 1988 telah membincangkan imunisasi Hepatitis B. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

“Vaksin untuk imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci”.

Keterangan/Hujah:

Hepatitis B ialah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis virus yang dinamakan Virus Hepatitis B. Virus ini terdapat pada cecair badan seseorang pesakit seperti pada darah, air liur, air mani dan mana-mana keluaran atau bendalir. Seorang pesakit atau pembawa penyakit Hepatitis B akan merebakkan virus ini apabila cecair dari badan mereka masuk ke dalam tubuh orang lain melalui luka, persetubuhan, semasa proses kelahiran bayi, perkongsian jarum suntikan yang tercemar dan lain-lain lagi. Virus ini boleh menyerang segenap lapisan umur.

Seseorang yang mendapat jangkitan, kadar risiko untuk menjadi pembawa penyakit ini adalah bergantung kepada umur. Bagi bayi-bayi yang dijangkiti semasa lahir, risiko menjadi pembawa kronik ialah 90 hingga 95 peratus, manakala bagi golongan dewasa ialah lima hingga 10 peratus. Kesan bahaya pesakit dan pembawa penyakit ini pada jangka masa panjang ialah penyakit kronik pada hati iaitu *cirrhosis* hati dan kanser hati yang boleh membawa kematian. Penyakit Hepatitis B ini boleh dicegah melalui suntikan vaksin.

Terdapat dua jenis vaksin bagi kegunaan imunisasi ini, iaitu vaksin yang diterbitkan dari plasma darah dan vaksin yang dihasilkan dari ragi untuk kegunaan program imunisasi ini. Tiga golongan akan diberi imunisasi ini, iaitu kepada bayi yang baru lahir, pekerja perubatan dan kesihatan, dan penagih-penagih dadah yang menggunakan suntikan.

Vaksin yang dihasilkan daripada ragi adalah lebih utama untuk kegunaan dalam imunisasi hepatitis B jika dibandingkan dengan vaksin yang dihasilkan oleh plasma darah. Ini adalah kerana ragi adalah bahan suci yang jelas dibenarkan oleh Islam (JAKIM, t.th.).

3. Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus dan Polio

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-24 yang bersidang pada 5 dan 6 Jun 1989 telah membincangkan pandangan Islam terhadap imunisasi campak, tibi, batuk kokol, difteria, tetanus dan polio. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

- i. *Program imunisasi campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus dan polio adalah harus di segi syarak kerana berdasarkan kaedah درء المفسد مقدم على جلب المصالح (menolak kerosakan didahulukan daripada mencari kemaslahatan) dalam perundangan Islam.*
- ii. *Vaksin-vaksin yang digunakan dalam imunisasi bagi penyakit-penyakit tersebut hendaklah diambil daripada bahan yang suci, sekiranya vaksin daripada bahan suci tidak diperolehi atau sukar diperolehi, maka penggunaan vaksin yang sedia ada adalah diharuskan.*

Keterangan/Hujah:

Imunisasi adalah satu-satunya cara pencegahan yang dapat dilakukan bagi mengelakkan penyakit seperti campak, tibi, batuk kokol, dipteria, tetanus atau polio. Mengikut kaedah fiqhiah iaitu *درء المفسد مقدم على جلب المصالح* (menolak kerosakan didahulukan daripada mencari kemaslahatan), maka program imunisasi bagi mengelak bahaya penyakit-penyakit yang berkenaan adalah sampai kepada peringkat hajat. Maka program tersebut adalah harus, kerana sesuatu kerosakan akan cepat berkembang dan bahayanya adalah lebih besar. Oleh hal yang demikian penggunaan vaksin dalam imunisasi itu

adalah harus dari segi syarak.

Keharusan ini juga adalah berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah, ayat 195 :

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya, “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan” (JAKIM, t.th.)

4. Hukum Suntikan Pelalian Vaksin *Meningococcal Meningitis* oleh Orang Islam

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-53 yang bersidang pada 27 November 2002 telah membincangkan suntikan pelalian vaksin *Meningococcal Meningitis* oleh orang Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

“Hukum menggunakan pelalian *meningococcal meningitis* mencevax yang diambil daripada sumber lembu adalah harus. Manakala vaksin pelalian *meningococcal Meningitis Monumune* yang mengandungi unsur daripada babi adalah haram”.³

Keterangan/Hujah:

Penyakit *Meningococcal Meningitis* adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh bakteria *Nesseria Meningitides*. Jangkitan penyakit ini menyebabkan radangan pada bahagian selaput otak dan saraf tunjang. Bakteria ini berjangkit melalui hubungan secara lansung (*close contact*) dengan titisan mulut dan hidung pesakit yang dijangkiti. Tempoh peneraman jangkitan adalah di antara 2 hingga 10 hari.

3 Walaubagaimanapun, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Monumen*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Setelah meneliti formulasi dan proses terbaru dalam penghasilan Vaksin *Menomune* yang bebas daripada penggunaan sebarang sumber haiwan beserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin *Meningitis Menomune* yang dikeluarkan oleh Sanofi Pasteur adalah diharuskan.

Oleh yang demikian, status pengharaman terhadap vaksin tersebut yang telah diputuskan pada Muzakarah kali Ke-53 tarikh 27 November 2002 adalah dibatalkan.

Mereka yang mengidap jangkitan ini akan mengalami demam, loya, bisa kepala dan sakit tengkuk (*neck stiffness*). Antara lima hingga 10 peratus pengidap tidak menunjukkan tanda-tanda klinikal tetapi masih berupaya menularkan penyakit (*symptomless carriers*). Dengan rawatan awal, kadar kematian dari jangkitan penyakit ini adalah dari lima hingga 15 peratus, tetapi jika tanpa rawatan kadar kematian akan melebihi 50 peratus. Diagnos penyakit ini melibatkan ujian makmal khas seperti ujian cecair tulang belakang (*cerebral spinal fluid*).

Kejadian penyakit *Meningococcal Meningitis* di Malaysia jarang berlaku dan berada pada kadar yang rendah (50 kes setahun). Walau bagaimanapun kejadian penyakit ini di benua Afrika Utara adalah tinggi dan sering berlaku wabak. Langkah utama pencegahan penyakit ini adalah melalui penjagaan kesihatan diri yang baik serta mengelakkan ke tempat orang ramai dan sesak yang disyaki mempunyai jangkitan penyakit berkenaan. Jangkitan penyakit ini boleh dicegah melalui pelalian menggunakan vaksin *Meningococcal Meningitis*. Pelalian boleh melindungi seorang dari jangkitan kuman penyakit tersebut bagi tempoh yang terhad mengikut jenis vaksin *Meningococcal Meningitis* yang digunakan.

Kerajaan Arab Saudi mendapati risiko jangkitan *Meningococcal Meningitis* di kalangan jemaah haji dan umrah semasa di Arab Saudi adalah tinggi dan atas sebab itu semua bakal haji dan umrah adalah diwajibkan mendapatkan pelalian *Meningococcal Meningitis* yang sah sebelum visa haji/umrah dikeluarkan. Peraturan mewajibkan pelalian *Meningococcal Meningitis* ke atas bakal jemaah haji dan umrah oleh Kerajaan Arab Saudi telah bermula sejak tahun 1988 lagi. Pada mulanya jenis vaksin yang diwajibkan digunakan kepada bakal jemaah haji dan umrah adalah vaksin *Meningococcal Meningitis* A dan C.

Walaupun bagaimanapun disebabkan terdapat perubahan corak jenis kuman yang menyebabkan jangkitan penyakit, mulai tahun 2002 kerajaan Arab Saudi mewajibkan penggunaan vaksin *Meningococcal Meningitis* jenis A, C, Y, W135 yang juga dikenali sebagai vaksin *Meningococcal Meningitis Quadrivalent* (ACYW135). Satu suntikan vaksin *Meningococcal Meningitis* (ACYW135) boleh memberi perlindungan kepada individu berkenaan selama tiga tahun dari jangkitan penyakit *Meningococcal Meningitis* yang disebabkan oleh kuman *Neisseria Meningitidis* dari Serotype A, C, Y dan W135.

Pada masa ini terdapat dua (2) jenama Vaksin *Meningococcal Quadrivalent* dalam pasaran Malaysia yang didaftar dan diluluskan penggunaannya oleh Biro Farmasi, KKM. Jenama tersebut adalah seperti berikut:

Jenama : Monumune Injection

Pengeluar : Syarikat Aventis Pharma, Malaysia

(Bahan mentah yang digunakan termasuk sumber-sumber *bovine* (lembu), *porsin* (khinzir) dan *avian* (itik). Bahagian yang digunakan termasuk susu, limpa dan bulu itik.

Jenama : Mencevax Injection

Pengeluar : Syarikat GlaxoSmithKline Pharmaceuticals (Produk ini tidak mengandungi bahan dari sumber binatang kecuali laktosa daripada susu lembu)

Vaksin yang digunakan oleh KKM adalah dari jenama Mencevax yang dipasarkan oleh Syarikat GlaxoSmithKline Pharmaceutical.

Pada prinsipnya ulamak bersepakat bahawa makanan (termasuk perubatan) yang dibenarkan oleh Islam menggunakannya adalah bahan yang baik (*tayyib*) yang tidak mempunyai unsur-unsur yang merbahaya kepada kesihatan badan dan akal manusia. Al-Quran dan hadis telah memperakui bahawa setiap bahan yang asalnya halal dan bersih akan berubah hukum penggunaannya kepada haram jika wujud unsur-unsur najis ketika pemprosesan bahan tersebut dilakukan. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

“Dan Allah mengharamkan atas mereka yang kotor-kotor”

(Al-A^ʿraf : 156).

Bahan ubatan yang menggunakan bahan yang diragui kehalalannya adalah haram. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya, “Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara kesamaran yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia; apakah ia termasuk bahagian yang halal atau haram. Maka sesiapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya maka dia akan selamat. Dan sesiapa yang mengerjakan sedikitpun daripadanya hampir-hampir ia akan jatuh ke dalam haram, sebagaimana orang yang mengembala kambing di sekitar daerah larangan, dia hampir-hampir jatuh kepadanya. Ingatlah, bahawa tiap-tiap raja mempunyai daerah larangan. Ingat pula, bahawa daerah larangan Allah itu ialah semua yang diharamkan”.

Kefahaman dan penghayatan tentang aspek perubatan sangat penting kerana ia akan memberi kesan bukan sahaja aspek kejiwaan pesakit malah juga dari

aspek ibadat pesakit tersebut. Umpamanya seseorang Islam yang memakan atau menggunakan bahan perubatan yang haram atau najis maka ibadatnya tidak akan diterima Allah. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya, *“Setiap daging yang tumbuh daripada (perkara) yang haram, maka api neraka lebih layak baginya”* (Riwayat al-Tabrani).

Walau bagaimanapun sekiranya tidak didapati oleh pesakit (atau orang yang memerlukan) melainkan dalam keadaan darurat dan terpaksa menggunakan anggota haiwan yang tidak halal, maka tidak menjadi kesalahan kerana keperluan yang mendesak tersebut. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya, *“Sesiapa yang terpaksa dengan tidak sengaja dan tidak melewati batas, maka tidaklah berdosa baginya, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Mengasihani”* (Al-Baqarah : 173) (JAKIM, t.th.)

5. Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax dan Vaksin Rotateq yang Menggunakan Unsur Babi dalam Proses Penghasilannya

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan hukum penggunaan vaksin Biothrax dan vaksin Rotateq yang menggunakan unsur babi dalam proses penghasilannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

“Penggunaan vaksin BioThrax dan RotaTeq adalah tidak dibenarkan kerana:

- i. Situasi kini dianggap tidak darurat;*
- ii. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; dan*
- iii. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini”*.

Keterangan/Hujah:

- i. Anthrax adalah sejenis penyakit berjangkit yang akut dan boleh menyebabkan kematian mengejut dan darah keluar dari semua rongga yang terbuka. Jangkitan Anthrax boleh berlaku sama ada pada kulit (*cutaneous anthrax*), saluran usus (*gastrointestinal anthrax*) atau serangan melalui pernafasan (*inhalation anthrax*). Vaksin BioThrax digunakan sebagai imunisasi atau suntikan pelalian bagi membantu melindungi daripada jangkitan anthrax. RotaTeq pula ialah vaksin bagi mencegah kes rotavirus yang menyebabkan muntah dan cirit birit di

kalangan kanak-kanak.

- ii. Islam mengharuskan berubat dengan benda-benda yang diharamkan sekiranya dalam keadaan darurat iaitu tiada ubat alternatif yang lain adalah berpandu kepada firman Allah SWT:

Maksudnya, “Dan tidak ada sebab bagi kamu, yang menjadikan kamu tidak mahu makan sari sembelihan binatang-binatang halal yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan ke atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya” (Surah al-An‘am: 119)

- iii. Jumhur fuqaha dari mazhab Hanafi, Al-Malikiyyah, pandangan sahah daripada mazhab Syafie dan Hanabilah berpendapat berubat dengan suatu yang najis seperti arak adalah haram dan tidak harus. Dalam konteks ini Prof. Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli berpandangan bahawa pada asasnya, haram kita berubat benda yang najis atau haram.
- iv. Dalam mempertimbangkan hukum keharusan mengambil benda haram dalam situasi darurat beberapa kaedah *fiqhiyyah* boleh dijadikan sandaran. Antaranya ialah kaedah *Darurat mengharuskan perkara yang dilarang* atau *الضرورات تبيح المحظورات*. Dalam situasi sesebuah negara yang memerlukan perlindungan atau pelalian daripada ancaman serangan biologi seperti anthrax atau serangan cirit birit di kalangan kanak-kanak, kepentingan suntikan BioThrax dan RotaTeq tidak dinafikan sekiranya tiada alternatif lain. Walaupun penggunaan BioThrax dan RotaTeq mungkin diharuskan namun pengambilan suatu yang haram semasa Darurat dibatasi dengan kaedah *الضرورات تقدر بقدرها* (*darurat dinilai sekadar keperluan*). Dalam masa yang sama orang Islam wajib berusaha bersungguh-sungguh keluar daripada situasi darurat. Berdasarkan kaedah ini, menggunakan suatu yang haram dalam situasi bukan darurat adalah dilarang.
- v. Penggunaan vaksin Biothrax dan Rotateq tidak diperlukan memandangkan Malaysia bukan dalam keadaan darurat dan telah ada vaksin halal untuk kegunaan umat Islam di Malaysia.
- vi. Setakat ini umat Islam di Malaysia mempunyai pilihan untuk menggunakan vaksin yang disahkan halal kerana pakar-pakar dalam bidang sains farmasi di Malaysia mampu menghasilkannya.
- vii. Gesaan supaya menggunakan vaksin-vaksin yang mengandungi unsur-unsur yang tidak halal ini juga merupakan strategi musuh-musuh Islam untuk meracuni pemikiran dan daya ketahanan umat Islam apabila

terlalu banyak sumber yang haram menjadi darah daging umat Islam (JAKIM, t.th.).

6) Hukum Pengambilan Vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah membincangkan hukum pengambilan vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

- i. *“Setelah mendengar taklimat daripada pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa Islam menggesa umatnya supaya menjaga kesihatan kerana penjagaan kesihatan seseorang individu akan menentukan tahap dan mutu kesihatan masyarakat secara umumnya. Pemberian vaksin merupakan jalan pencegahan awal yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam usaha mengelakkan penyebaran virus di kalangan wanita.*
- ii. *Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pengambilan vaksin HPV yang telah dipastikan tiada unsur meragukan dalam kandungannya dan tidak mendatangkan kemudaratan adalah diharuskan bagi mencegah penyakit kanser pangkal rahim (servik) di kalangan wanita.*
- iii. *Muzakarah juga memutuskan bahawa pemvaksinan ini hendaklah tidak mengandungi unsur-unsur eksploitasi terhadap pengguna atau digunakan untuk tujuan yang bercanggah dengan syarak”.*

Keterangan/Hujah:

- i. Vaksin HPV merupakan kaedah pencegahan yang berkesan di Amerika Syarikat dan diberikan kepada kanak-kanak seawal usia 11 tahun. Vaksin ini akan memberi kesan sehingga hampir 20 tahun untuk bertindak. Ia merupakan langkah pencegahan awal untuk mengelakkan seseorang perempuan daripada terkena penyakit kanser pangkal rahim yang mampu meragut nyawa. Pencegahan seawal belasan tahun akan membantu mengurangkan risiko menerima penyakit ini dalam tempoh beberapa tahun akan datang terutama sekali bagi wanita yang melalui hubungan seksual secara sah di sisi syarak.
- ii. Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia yang mempunyai bilangan kes kanser servik tertinggi selepas kes kanser payudara. WHO telah mengenalpasti kanser servik sebagai kanser kedua tertinggi di kalangan wanita selepas kanser payudara, dan menyumbang kira-kira 12 peratus daripada keseluruhan bilangan kes kanser di kalangan wanita Malaysia. Malah, mengikut nisbah kematian kepada minit, direkodkan sebanyak satu kematian di kalangan wanita akibat penyakit ini dikenal pasti bagi setiap satu minit di dunia. Di Asia, satu kematian direkodkan bagi setiap empat minit.

- iii. Kajian menunjukkan, punca utama kanser ini berlaku adalah kerana jangkitan kuman HPV yang melata dan berkembang sehingga akhirnya berubah menjadi kanser. HPV adalah daripada famili papovaviridae yang mempunyai lebih 100 jenis virus. Daripada jenis-jenis ini, jenis 16 dan 18 adalah berisiko tinggi dan dikenal pasti sebagai punca utama kanser serviks. Virus ini boleh berjangkit melalui aktiviti seperti hubungan kelamin, seks oral, sentuhan kulit kelamin, berkongsi pakaian dalam, berkongsi alat perubatan yang telah tercemar dengan virus ini dan pemindahan virus daripada seorang ibu kepada anak. Kanser ini juga berpunca daripada hubungan seks secara aktif pada usia muda, mengadakan hubungan seks dengan pasangan yang ramai atau mengadakan hubungan seks dengan lelaki yang mempunyai ramai pasangan.
- iv. Sistem imun dalam badan boleh mematikan virus ini, namun perebakan dan pembiakannya boleh bertukar menjadi kanser serviks atau kanser di kawasan lain seperti di faraj, dubur dan mulut. Jangkitan virus ini mengambil masa 10-20 tahun untuk merebak dan membiak sebelum menampakkan kesannya yang sebenar. Kebimbangan pada virus ini ialah ia tidak mempunyai simptom atau tanda-tanda awal mengenai jangkitannya.
- v. Pemvaksinan merupakan jalan pencegahan dan pencegahan adalah suatu perkara yang dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah usul fiqh iaitu سد الذريعة. Namun, sekiranya sesuatu yang diharuskan itu boleh membawa kepada perkara yang diharamkan, maka hukumnya adalah haram selaras dengan kaedah fiqh :

ما يؤدي إلى المحرام فهو حرام

- vi. Al-^cAili Abdul Hakim dalam buku *Mausu'ah Huquq Al-Insan fi Al-Islam*, menyifatkan kesihatan individu merupakan tuntutan agama dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam isu ini, vaksin HPV bukan lagi satu kehendak seseorang wanita, tetapi bahan pencegah ini kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara (JAKIM, t.th.).

7. Hukum Penggunaan Vaksin *Meningitis Menveo*

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Julai 2013 telah membincangkan hukum penggunaan vaksin *Meningitis Menveo*. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

“Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan meneliti keterangan, hujah-hujah serta pandangan yang dikemukakan,

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin Meningitis Menveo adalah diharuskan” (JAKIM, t.th).

KAEDAH PENCEGAHAN MENURUT ISLAM

Syariat Islam juga amat menitikberatkan kaedah pencegahan sama ada secara umum ataupun khususnya dalam perubatan. Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran yang berkaitan dengan langkah pencegahan. Antaranya ialah firman Allah Taala:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya, “*Janganlah kamu melemparkan diri kamu ke lembah kebinasaan*”

(Al-Baqarah : 195)

Ayat Al-Quran ini walaupun tidak menjelaskan secara terperinci tentang langkah pencegahan, namun ia adalah prinsip umum yang perlu diikuti oleh manusia untuk menjaga keselamatan diri mereka dengan tidak mendedahkan diri kepada perkara-perkara yang boleh membinasakannya (Irwan Mohd Subri, 2004).

Manakala hadis yang berkaitan dengan langkah pencegahan, antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhariyy, daripada Usamah bin Zayd bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونِ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya, “*Jika kamu mengetahui wabak taun berlaku di sesuatu kawasan maka janganlah kamu memasukinya. Jika ia berlaku di sesuatu kawasan yang kamu diami maka janganlah kamu keluar dari kawasan itu*”.

(Hadis. Al-Bukhariyy. *Bab Ma Yuzkar Fi al-Ta'un*. No. 5396)

Hadis ini jelas menunjukkan tentang langkah pencegahan yang harus diambil jika berlaku sesuatu wabak. Langkah pencegahan taun juga dapat dilihat daripada peristiwa yang berlaku pada zaman Saidina ‘Umar. Al-Tahawiyy (t.th) dalam kitabnya menceritakan bahawa ketika Saidina ‘Umar menuju ke Syam atas suatu urusan, beliau telah diberitahu bahawa Syam sedang dilanda

wabak taun. Setelah perbincangan dibuat, beliau telah mengambil keputusan untuk tidak memasuki Syam. Bahkan beliau telah berpatah balik sebagai langkah pencegahan dalam menghadapi wabak tersebut.

Ini bertepatan dengan objektif Syarak (*maqasid al-shari'ah*) yang antaranya ialah menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan harta (*hifz al-mal*) (Al-Shatibiyy, t.th). Menjaga nyawa dapat direalisasikan melalui halangan orang luar daripada masuk ke tempat yang sedang dilanda wabak seperti taun. Begitu juga melalui halangan pesakit yang terdedah kepada penyakit daripada keluar daripada tempat tersebut, seterusnya boleh menjangkiti orang lain. Manakala menjaga harta dapat direalisasikan melalui penjimatan wang ringgit dari dibazirkan untuk merawat pesakit jika langkah pencegahan tidak diambil.

Analisa Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dan Kaitannya Dengan Kaedah Pencegahan

Berhubung dengan kaedah pencegahan melalui pelalian atau imunisasi dapat dilihat dalam beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia di atas. Hal ini termasuk dalam isu-isu *fiqh* kontemporari (*fiqh al-mu'asir*) yang memerlukan kepada hukum supaya umat Islam faham tentang hukum pengambilan vaksin-vaksin tersebut. Seterusnya ia tidak lagi menimbulkan sebarang keraguan sama ada sesuatu vaksin yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibenarkan atau tidak menurut Syarak.

Daripada tujuh contoh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia berkaitan vaksin, dapat difahami bahawa tujuan vaksin yang diberikan antaranya ialah:

- i. Mencegah penyakit berbahaya daripada merebak;
- ii. Mengelakkan penyebaran virus dan jangkitan kuman.

Berdasarkan kepada dalil Al-Quran dan hadis Rasulullah SAW yang dibentangkan sebelum ini, pemberian vaksin oleh KKM untuk menghalang sesuatu penyakit berjangkit adalah menepati tuntutan Syariat Islam. Hal ini kerana Rubela, Hepatitis B, campak, tibi, batuk kokol, difteria, tetanus, polio, *Meningococcal Meningitis*, *Anthrax* dan *Human Papilloma Virus* (HPV) adalah penyakit berjangkit dan boleh membawa maut jika tidak diberi ubat pencegahan (vaksin).

Jadi, dengan memberi pelalian kepada penyakit-penyakit ini, bawaan penyakit berjangkit ini dapat dielakkan. Seterusnya ia dapat menyelamatkan nyawa orang ramai berbanding jika langkah pencegahan ini tidak diambil. Perkara ini telah menepati objektif syarak yang dituntut oleh Islam.

Daripada contoh-contoh keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia tersebut juga, dapatlah disimpulkan bahawa keharusan pengambilan sesuatu vaksin bukanlah bersifat secara mutlak. Ia mempunyai syarat-syarat seperti berikut:

- i. Sumber vaksin hendaklah daripada bahan-bahan yang suci dan tidak najis.
- ii. Jika tidak dapat dielakkan, vaksin yang bersumberkan daripada bahan haram dibenarkan atas dasar darurat.
- iii. Sekiranya terdapat dua pilihan vaksin iaitu yang bersumberkan bahan halal dan yang haram, maka wajib memilih vaksin yang bersumberkan bahan halal.
- iv. Sebarang pengenalan kepada vaksin baru di Malaysia khususnya, perlulah mendapat kelulusan hukum pihak berkuasa agama seperti Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan terlebih dahulu.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan kepada pihak KKM untuk mematuhi syarat-syarat di atas bagi memastikan umat Islam diberi vaksin yang halal sahaja. Syariat Islam amat menitikberatkan soal halal haram termasuklah dalam ubat-ubatan.

Sabda Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدِّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا، وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan menurunkan ubat, serta menyediakan ubat bagi setiap penyakit, maka berubatlah, dan jangan berubat dengan sesuatu yang haram*”.

(Hadis. Abu Dawud. *Bab Fi al-Adwiyat al-Makruha*. No. 3876)

Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِي مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah tidaklah menjadikan kesembuhan kamu dalam sesuatu yang diharamkan*”.

(Hadis. Al-Bayhaqiyy. *Bab al-Nahy ‘An al-Tadawiyy Bi al-Muskir*. No. 20171)

Daripada dua hadis di atas, Allah SWT mengharamkan penggunaan bahan haram dalam ubat-ubatan. Dapat difahami bahawa dalam keadaan biasa tanpa darurat, kewajipan pihak pemerintah ialah menyediakan ubat-ubatan yang bersumberkan bahan halal. Manakala pengguna muslim wajib mengambil atau memakan ubat-ubatan yang halal sahaja.

PENUTUP

Islam telah menggariskan langkah-langkah pencegahan penyakit sejak sekian lama sama ada melalui nas al-Quran mahupun al-Sunnah. Kata-kata *mencegah lebih baik daripada merawat* dan *ilmu pengetahuan asas pencegahan* amat bertepatan dengan kaedah pencegahan penyakit dalam Islam.

Namun pada masa yang sama, Islam menggariskan panduan yang penting dalam kehidupan penjagaan kesihatan dengan melazimi kaedah rawatan yang berunsurkan halal. Walau bagaimanapun, jika disebabkan keadaan yang darurat, Islam membolehkan umatnya merawat dengan menggunakan benda haram sekadar yang perlu sahaja bagi menjaga masalah umat dan juga *maqasid al-shar'iah*.

Justeru, amat penting bagi pengkaji dan pakar dalam bidang perubatan dan agama berkerjasama untuk menentukan sama ada boleh atau tidak untuk menggunakan sesuatu vaksin. Ini bagi menghilangkan keraguan terutamanya masyarakat awam terhadap hukum penggunaan vaksin tersebut.

Berdasarkan pembentangan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia mengenai vaksin, telah menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama Malaysia amat mengambil berat tentang halal haram vaksin yang digunakan oleh KKM. Pihak KKM juga memohon pandangan hukum daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia berkenaan vaksin yang mereka perkenalkan kepada rakyat Malaysia.

Keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam Malaysia juga pada dasarnya selari dengan kaedah pencegahan dalam syariat Islam. Ia dapat diqiyaskan melalui hadis Usamah bin Zayd mengenai taun pada zaman Saidina ^oUmar bin al-Khattab. Dalam kes tersebut, ^oUmar mengambil pendirian atau polisi tidak membenarkan delegasinya masuk ke Syam untuk menyelamatkan nyawa sebagai pencegahan kerana taun wabak yang merbahaya yang boleh membawa maut.

Begitulah juga dalam kes vaksin, pihak KKM memberikannya kepada masyarakat bermula dari kanak-kanak hingga dewasa sebagai langkah pencegahan kepada beberapa penyakit yang boleh membawa maut. Apatah lagi vaksin-vaksin yang diperkenalkan oleh KKM telah mendapat pandangan hukum sama ada ia harus digunakan atau tidak. Justeru, masyarakat Islam khususnya tidak perlu berasa ragu terhadap vaksin atau program imunisasi di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abd Rahman. (2010). *Ubat Daripada Sumber Babi Dan Pilihan Alternatif*. Kuala Lumpur: H Science Solution.
- Abd Rahman. (2013). *Vaksin Haji Haram? Benarkah Suntikan Pelalian Vaksin Meningococcal Meningitis Mengandungi Unsur Babi*. Kuala Lumpur: H Science Solution.
- Amran Kasimin & Haron Din. (1997). *Doa & Rawatan Penyakit (i)*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin & Haron Din. (1997). *Doa & Rawatan Penyakit (ii)*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ghazally Ismail. (1988). *Imunology*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gordon L. Ada. (1994). *Vaccination & World Health*. England: John Wiley & Sons Ltd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1994). Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Ab. Rahman. (2009). *Isu Halal Tiada Penghujung*. Bukit Katil (Melaka): Alambaca Sdn. Bhd.
- Noor Hisham Bin Abdullah (Dr.) & Othman Bin Mustapha (Dato' Haji). 15 Jun 2013. *Penjelasan Terhadap Keraguan Suntikan Vaksin (Imunisasi)*. Kenyataan akhbar bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Ketua Pengarah JAKIM.
- Noor Hasima Nagoor. (2003). *Imunologi Asas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Shatibiyy, Abu Ishaq, Ibrahim bin Musa. t.th. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (1990). *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir*. T.tp: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. (al-Maktabat al-Shamilah).
- Al-Tahawiy. t.th. *Sharh Ma'ani al-Athar*. T.tp. T.pt.
- Arief Salleh bin Rosman. (2013). *Objektif Perundangan Islam Dalam Perubatan Dan Pengubatan: Fatwa Berkaitan Vaksin*. Kertas Kerja. 19 Jun 2013.

- Irwan bin Mohd Subri. 2004. *Panduan Mengajar (Teaching Guide) Pencegahan Sars*. (Kajian Kes Pencegahan Sars).
- Hukum Pengambilan Vaksin Human Papilloma Virus (HPV). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pengambilan-vaksin-human-papilloma-virus-hpv> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- Hukum Penggunaan Vaksin Biothrax Dan Vaksin Rotateq Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-vaksin-biothrax-dan-vaksin-rotateq-yang-menggunakan-unsur-babi-dal> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Menveo. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penggunaan-vaksin-meningitis-menveo-0> (Diakses pada 16 Jun 2014).
- Imunisasi Hepatitis B. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/imunisasi-hepatitis-b> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- Immunization. World Health Organization. <http://www.who.int/topics/immunization/en/> (Diakses pada 16 Okt 2013).
- Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin Meningitis Monumen. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/kajian-semula-hukum-penggunaan-vaksin-meningitis-monumen> (Diakses pada 12 Julai 2014).
- Khoo Yoong Khean. (2013). Gerakan Anti Vaksin Keliru Fakta Sebenar. <http://www.mm Gazette.com/gerakan-anti-vaksin-keliru-fakta-sebenar-dr-khoo-yoong-khean/> (Diakses pada 5 Mei 2016).
- Musa Mohd Nordin. 2014. <https://mypositiveparenting.org/ms/2014/10/08/vaksinasi-mitos-dan-salah-tanggapan/> (Diakses pada 5 Mei 2016).
- Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus Dan Polio. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pandangan-islam-terhadap-imunisasi-campak-tibi-batuk-kokol-dipteria-tetanus-dan-pol> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- Pelialian Rubela (Imunisasi Rubela). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pelialian-rubela-imunisasi-rubela> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- Suntikan Pelialian Vaksin Meningococcal Meningitis Oleh Orang Islam. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/suntikan-pelialian-vaksin-meningococcal-meningitis-oleh-orang-islam> (Diakses pada 14 Okt 2013).
- What is immunisation? <http://www.rehydrate.org/dd/su30.htm#page1> (Diakses pada 16 Okt 2013).